

485 dipindah banjir tahap satu

Kuala Selangor: Banjir berlaku di Kampung Parit Mahang, Bukit Kerayong, Ladang Tuan Mee, dan Simpang 3 bertambah buruk sehingga diisytihar bencana tahap satu.

Ia berikutan 485 penduduknya dipindahkan di empat pusat pemindahan sementara dibuka sejak Selasa lalu di Balai Raya Kampung Parit Mahang, Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Kerayong, Surau Ladang Tuan Mee dan Masjid Simpang 3 sehingga jam 3 petang semalam.

Pegawai Daerah Kuala Selangor yang juga Pengerusi Bencana Daerah Shamsul Shahril Badlisza berkata, arahan pengisytiharan dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) kerana lebih daripada 400 penduduk menjadi mangsa banjir.

"Jumlah mangsa banjir dijangka bertambah dari semasa ke semasa berikutan paras air semakin mening-

kat dan keadaan banjir menjadi bertambah buruk.

"Pihak berkuasa seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa bersedia bagi membantu mangsa banjir," katanya ketika di temui di pusat pemindahan sementara, Balai Raya Kampung Parit Mahang, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim meninjau keadaan mangsa banjir di empat pusat pemindahan sementara serta memberi sumbangan bersama Ahli Parlimen Kuala Selangor Datuk Irmohizam Ibrahim.

Shahidan berkata, beliau menasihatkan kepada penduduk untuk segera berpindah sekiranya banjir bertambah buruk bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku.